



**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
NKRA - PENDIDIKAN**

**MANUAL
INSTRUMEN NUMERASI LISAN
SARINGAN 1 (SK/SJKC/SJKT)
TAHUN 3**

MAC/APRIL 2013

KAEDAH PELAKSANAAN

- Instrumen ini hendaklah ditadbir pada 10 Mac – 19 April 2013
- Semua murid Tahun 3 mesti menduduki saringan ini
- Ditadbir oleh guru Matematik / LINUS mengikut masa yang ditetapkan menggunakan bahasa pengantar di sekolah
- Ditadbir secara individu atau kumpulan kecil (bilangan murid dalam kumpulan kecil tidak lebih daripada 3 orang)
- Jika ditadbir secara kumpulan kecil, pastikan angka, nombor, objek atau gambar yang digunakan berbeza bagi setiap murid berdasarkan item
- Semua item / konstruk perlu ditaksir mengikut urutan
- Guru perlu mentaksir semula mana-mana konstruk yang belum dikuasai oleh murid mengikut urutan item / konstruk
- Guru Matematik / LINUS disarankan berada dengan murid ketika saringan dilaksanakan
- Ditadbir tanpa dipengaruhi oleh sebarang sentimen perkauman dan tahap kecerdasan murid
- Guru Matematik / LINUS **perlu** membantu murid memahami tugas item
- Murid disaring secara telus dan jujur
- Guru Matematik / LINUS mesti mencatat pencapaian murid menggunakan Borang Prestasi Individu seperti yang dilampirkan pada halaman belakang Instrumen Saringan Numerasi
- Murid menguasai sesuatu konstruk jika dapat menjawab betul kedua-dua item yang mengukur konstruk tersebut

TINDAKAN HASIL PROSES SARINGAN

Selepas Saringan 1 (Lisan dan Bertulis) dijalankan, murid-murid akan ditempatkan mengikut penguasaan konstruk berdasarkan jadual di bawah:

Saringan 1	
Tidak Menguasai Konstruk 1 – Konstruk 2 (dibimbing oleh guru Pemulihan Khas)	Program LINUS
Menguasai Konstruk 1 dan 2 tetapi tidak menguasai mana-mana Konstruk 3 – Konstruk 12	
Menguasai Konstruk 1 hingga Konstruk 12	Kelas arus perdana

Semua murid akan menduduki Saringan 2 Tahun 3 (2013). Program LINUS dilaksanakan oleh guru Matematik dan guru Pemulihan yang sedia ada di sekolah.

Proses diagnosis dan program pemulihan LINUS dilaksanakan oleh guru LINUS kerana hanya guru LINUS yang layak dan wajar melaksanakan tugas tersebut. Guru LINUS perlu menggunakan kebijaksanaan dan kepakaran masing-masing untuk memastikan semua 12 konstruk dikuasai.

PENERANGAN INSTRUMEN SARINGAN 1 (LISAN)**Item 1**

Konstruk 1 : Keupayaan pra nombor dan mengenal angka

- Guru menyediakan sembilan keping kad angka 1 hingga 9
- Guru menyebut angka 7, 9 dan 2
- Guru minta murid menunjukkan kad angka 7, 9 dan 2
- Murid menguasai tugas ini jika menunjukkan kad angka 7, 9 dan 2

Catatan

1. Jika murid gagal menunjukkan kad angka yang diminta, guru boleh menukar dengan kad angka yang lain
2. Murid menguasai tugas ini jika menunjukkan ketiga-tiga kad angka

Item 2

Konstruk 1 : Keupayaan pra nombor dan mengenal angka

- Guru menyediakan tiga kad angka 5, 3 dan 8
- Guru menunjukkan kad angka
- Minta murid menyebut angka-angka yang ditunjukkan
- Murid menguasai tugas ini jika menyebut angka 5, 3 dan 8 / bahasa pengantar di sekolah

Catatan

1. Jika murid gagal menyebut angka yang ditunjukkan, guru boleh menukar dengan kad angka yang lain
2. Murid menguasai tugas ini jika menyebut ketiga-tiga angka yang ditunjukkan

Item 3

Konstruk 2 : Keupayaan membilang

- Guru menyediakan gambar
- Guru minta murid mengira bilangan petak di dalam gambar
- Murid menguasai tugas ini jika membilang 52

Item 4

Konstruk 2 : Keupayaan membilang

- Guru menyediakan lima kad angka
- Guru minta murid menyusun kad angka mengikut urutan menurun
- Murid menguasai tugas ini jika menyusun kad dalam urutan menurun 72, 70, 68, 66, 64

Item 5

Konstruk 3 : Keupayaan memahami nilai nombor

- Guru menyediakan kad gambar dan tiga kad nombor
- Guru minta murid mengira bilangan rambut yang terdapat di dalam kad gambar
- Guru minta murid memilih kad nombor berdasarkan bilangan rambut
- Murid menguasai tugas ini jika berjaya memilih kad nombor 38

Catatan

1. Jika murid gagal menguasai tugas ini guru boleh menukar dengan kad gambar dan kad nombor yang lain

Item 6

Konstruk 3 : Keupayaan memahami nilai nombor

- Guru menyediakan petak nombor 1 hingga 20 dan dua balang berlabel A dan B
- Guru memasukkan 20 penyedut minuman ke dalam balang A manakala balang B dibiarkan kosong
- Guru mengambil sejumlah penyedut minuman dan masukkan ke dalam balang B
- Guru minta murid mengira penyedut minuman di dalam balang B dan menunjukkan angka mengikut bilangan penyedut minuman tersebut
- Murid menguasai tugas ini jika berjaya menunjukkan angka mengikut bilangan penyedut minuman dalam balang B

Catatan

1. Jika murid gagal menguasai tugas ini guru boleh minta murid ulang semula dengan bilangan yang lain
2. Guru boleh menggantikan penyedut minuman dengan objek yang lain

Item 7

Konstruk 4 : Keupayaan membuat seriasi

- Guru menyediakan tiga bola yang berlainan saiz di atas meja secara rawak
- Guru minta murid menyusun bola mengikut urutan kecil ke besar
- Murid menguasai tugas ini jika berjaya menyusun bola mengikut urutan kecil ke besar

Catatan

1. Guru hendaklah memastikan perbezaan saiz bola adalah jelas
2. Guru boleh menukar susunan saiz bola mengikut urutan besar ke kecil
3. Guru boleh menukar bola dengan objek lain

Item 8

Konstruk 4 : Keupayaan membuat seriasi

- Guru menyediakan tiga kad gambar
- Guru meletakkan kad gambar secara rawak
- Guru minta murid mengambil kad gambar yang mengikut urutan rendah ke tinggi
- Murid menguasai tugas ini jika mengambil kad gambar yang mengikut urutan rendah ke tinggi

Item 9

Konstruk 5 : Keupayaan mengenal mata wang Malaysia

- Guru menyediakan tiga wang kertas Malaysia dan tiga wang kertas negara luar
- Guru minta murid mengambil semua wang kertas Malaysia
- Murid menguasai tugas ini jika mengambil semua wang kertas Malaysia

Catatan

1. Guru mesti menggunakan wang sebenar

Item 10

Konstruk 5 : Keupayaan mengenal mata wang Malaysia

- Guru menyediakan tiga wang syiling Malaysia dan tiga wang syiling negara luar.
- Guru minta murid mengambil semua wang syiling Malaysia
- Murid menguasai tugas ini jika mengambil semua wang syiling Malaysia

Catatan

1. Guru mesti menggunakan wang sebenar

Item 11

Konstruk 6 : Keupayaan menyatakan waktu

- Guru menyediakan tiga kad gambar yang menunjukkan muka jam A, B dan C
- Guru minta murid mengambil kad gambar muka jam
- Murid menguasai tugas ini jika mengambil kad gambar C

Item 12

Konstruk 6 : Keupayaan menyatakan waktu

- Guru minta murid menyatakan nama bulan sebelum bulan Februari
- Murid menguasai tugas ini jika berjaya menyatakan bulan Januari

Catatan

1. Guru boleh menukar nama bulan yang lain

Item 13

Konstruk 7 : Keupayaan mengendalikan operasi asas

- Guru menyediakan 20 manik dalam balang dan 5 pinggan
- Guru minta murid membilang semua manik
- Guru minta murid meletakkan manik satu persatu ke dalam setiap pinggan
- Guru minta murid mengira bilangan manik dalam setiap pinggan
- Murid menguasai tugas ini jika menjawab 4 / bahasa pengantar di sekolah

Catatan

1. Guru boleh menukar manik dan pinggan dengan objek yang lain

Item 14

Konstruk 7 : Keupayaan mengendalikan operasi asas

- Guru menyediakan kad simbol
- Guru minta murid menyatakan operasi yang dijalankan bagi ítem 13
- Guru minta murid memilih kad simbol bagi ítem 13
- Murid menguasai tugas ini jika memilih kad simbol (\div)

Item 15

Konstruk 8 : Keupayaan mengendalikan operasi asas melibatkan mata wang Malaysia

- Guru menyediakan bekas yang berisi wang RM10, RM5, RM5, RM1, RM1 dan RM1
- Guru minta murid mengambil wang dalam bekas berjumlah RM15
- Murid menguasai tugas ini jika mengambil wang berjumlah RM15

Item 16

Konstruk 8 : Keupayaan mengendalikan operasi asas melibatkan mata wang Malaysia

- Guru menyediakan RM10, RM10, RM10, RM5 dan RM5
- Guru minta murid mengira jumlah wang itu
- Guru minta murid mengambil RM10 dan RM10
- Guru minta murid mengambil RM5
- Guru minta murid mengira baki wang yang tinggal
- Murid menguasai tugas ini jika menyatakan RM15

Item 17

Konstruk 9 : Keupayaan mengukur panjang objek, jisim objek dan isi padu

- Guru menyediakan gambar
- Guru minta murid menunjukkan gambar objek yang lebih panjang
- Murid menguasai tugas ini jika menunjukkan gambar objek yang lebih panjang

Item 18

Konstruk 9 : Keupayaan mengukur panjang objek, jisim objek dan isi padu

- Guru menyediakan dua kad gambar
- Guru minta murid memilih kad gambar yang menunjukkan isi padu setengah air
- Murid menguasai tugas ini jika memilih kad gambar balang dengan isi padu setengah air

Item 19

Konstruk 10 : Keupayaan menterjemah ayat biasa kepada ayat matematik dan sebaliknya

- Guru menyediakan dua kad ayat matematik
- Guru membacakan situasi kepada murid
- Guru minta murid memilih kad ayat matematik berdasarkan situasi
- Guru minta murid membaca ayat matematik yang ditunjukkan
- Murid menguasai tugas ini jika memilih kad $15 + 3 = 18$ dan membacakan ayat matematik

Item 20

Konstruk 10 : Keupayaan menterjemah ayat biasa kepada ayat matematik dan sebaliknya

- Guru menyediakan dua kad ayat matematik dan kad gambar
- Guru minta murid mengira bilangan gelas di dalam gambar
- Guru minta murid mengira bilangan berus gigi di dalam setiap gelas
- Guru minta murid mengira jumlah berus gigi
- Murid menguasai tugas ini jika memilih kad $5 \times 2 = 10$

Item 21

Konstruk 11 : Keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian terhad kepada nombor bulat dan sebaliknya

- Guru membaca situasi seperti dalam instrumen
- Guru minta murid memberi jawapan
- Murid menguasai tugas ini jika menjawab 49 / bahasa pengantar di sekolah

Item 22

Konstruk 11 : Keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian terhad kepada nombor bulat dan sebaliknya

- Guru membaca situasi seperti dalam instrumen
- Guru minta murid memberi jawapan
- Murid menguasai tugas ini jika berjaya menjawab 12 / bahasa pengantar di sekolah

Item 23

Konstruk 12 : Keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian melibatkan mata wang, masa dan ukuran panjang

- Guru membaca situasi seperti di dalam instrumen
- Guru minta murid memberi jawapan
- Murid menguasai tugas ini jika menjawab RM8 / bahasa pengantar di sekolah

Item 24

Konstruk 12 : Keupayaan mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran dalam kehidupan harian melibatkan mata wang, masa dan ukuran panjang

- Guru membaca situasi seperti di dalam instrumen
- Guru minta murid memberi jawapan
- Murid menguasai tugas ini jika menjawab 10 / bahasa pengantar di sekolah